



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

SEMANGAT PERPADUAN DISEMARAKKAN MELALUI PROGRAM BUBUR LAMBUK DI LEBIH 3,000 KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) SELURUH NEGARA

23 April 2022, Kota Tinggi, Johor – Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah melancarkan Program Semarak Perpaduan: “Masak-Masak Bubur Lambuk, Ikatan Perpaduan Terus Dipupuk” bertempat di Dewanraya Perumahan Kg Tersusun Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor.

2. Setelah lebih dua (2) tahun negara dilanda pandemik Covid-19 dan semua aktiviti hanya dilaksanakan di rumah masing-masing, maka sebaik negara memasuki fasa endemik, Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan program ini dengan keberkatan bulan Ramadhan supaya ianya dekat dihati rakyat dalam mensyukuri nikmat kesihatan supaya kebersamaan antara Keluarga Malaysia dapat diertatkan kembali.

3. “Masak-Masak Bubur Lambuk, Ikatan Perpaduan Terus Dipupuk” adalah merupakan tema bagi program memasak bubur lambuk secara serentak oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara yang akan berlangsung pada hari ini.

4. Program yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara adalah bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan melalui nilai-nilai kerjasama, tolong menolong, hormat menghormati dan muafakat serta

memperkukuhkan kembali amalan gotong royong khususnya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

5. Program ini juga adalah merupakan antara inisiatif Kementerian untuk **MERAKYATKAN PERPADUAN** melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang menjadi **TAPAK INTEGRASI** atau **TEMPAT PENYATUAN** rakyat di negara ini. Program ini juga adalah antara **gerak kerja Kementerian untuk merealisasikan aspirasi KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan November 2021.

6. Lebih **3,002 KRT** di seluruh negara menyertai program ini dan lebih **624,052 bekas bubur lambuk** diagihkan oleh KRT-KRT yang terlibat kepada komuniti setempat. Selain dianjurkan secara serentak di seluruh negara, program memasak **bubuk lambuk perpaduan KRT dan jentera perpaduan** ini juga akan disertai oleh pelbagai agensi Kerajaan, NGO dan swasta. Aktiviti merewang dan bergotong-royong bagi menyediakan **5,264** periuk bubur lambuk telah bermula seawal jam 9.00 pagi di lokasi masing-masing untuk menyediakan juadah bubur lambuk yang sinonim di bulan Ramadhan ini.

7. Dengan penganjuran program ini yang merupakan antara program yang begitu dekat di hati masyarakat, maka “perpaduan” akan dapat **“DILIHAT”, “DIDENGARI”** dan **“DIRASAI”** oleh seluruh Keluarga Malaysia. Inilah elemen utama yang ingin diketengahkan oleh Kementerian bahawa **perpaduan bukanlah hanya dilafazkan** tetapi mestilah dizahir serta diterjemahkan dengan penuh kesungguhan dan komitmen dari seluruh Keluarga Malaysia.

8. Antara elemen penting atau **keunikan dan kekuatan program adalah penyertaan masyarakat berbilang kaum untuk bersama-sama menyediakan bubur lambuk**. Konsep penyertaan pelbagai kaum ini amat ditekankan oleh Kementerian dalam setiap pelaksanaan aktiviti dan program, supaya ianya menjadi amalan serta resepi utama dalam mengekalkan perpaduan dan kemakmuran Keluarga Malaysia. Inilah lambang penyatuan hati rakyat Malaysia.

9. Syabas dan tahniah serta terima kasih kepada semua KRT dan pihak-pihak lain yang berganding bahu menjayakan program ini.

Kementerian Perpaduan Negara

23 April 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (122)